



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803

Laman Web: www.pl.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN MENGERATKAN LAGI HUBUNGAN KOMUNITI

LABUAN, 15 FEBRUARI 2019 – Kira-kira 5,000 penduduk Labuan menghadiri program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL) di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. YB Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan serta pemimpin-pemimpin tempatan turut menyertai program kenduri ini yang diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Pelbagai inisiatif untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk Labuan telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti usaha penambahan infra-infra projek pembangunan bagi menaiktaraf produk pelancongan di Labuan. Kelebihan yang ada di Labuan ini boleh digunakan sepenuhnya untuk melebarluaskan projek pembangunan pelancongan ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, kerajaan juga meneruskan usaha pemberian diskaun tambang feri penumpang sebanyak 50 peratus kepada penduduk pulau ini bagi mengurangkan kos sara hidup yang tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan ini merupakan program *signature* sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat yang diadakan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Di Labuan, para penduduk kariah kampung kali ini turut bersama-sama bergotong-

royong menyediakan masakan dan menjalankan pelbagai aktiviti seperti pertandingan keceriaan khemah memasak, pertandingan mewarna peringkat kanak-kanak dan *Treasure Hunt*. Semua aktiviti yang dilaksanakan ini mendapat kerjasama daripada jawatankuasa masjid dan surau, jabatan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, rukun tetangga dan dewan-dewan perniagaan. Hasil kerjasama yang dilaksanakan ini membolehkan program seperti ini dijalankan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa.

Kenduri Wilayah Rakyat Persekutuan yang bertujuan untuk menyemai serta membudayakan semangat kerjasama, keharmonian dan integrasi kaum turut menjadi landasan dalam usaha kerajaan menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan Labuan. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu instrumen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Seiring dengan tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 “Sayangi Wilayahku” ini diharapkan agar warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Labuan dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan bahagia.

Disediakan Oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan
15 Februari 2019